

NO. SOALAN : 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. EWON BIN EBIN
[RANAU]**

TARIKH : 28 MAC 2017 (SELASA)

Datuk Dr. Ewon Bin Ebin [RANAU] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

(a)berapakah jumlah kerugian yang ditanggung oleh FELDA (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan) khususnya, kerugian "Pelaburan Gagal" yang dibuat oleh pihak pengurusan FELDA; dan

(b)apakah tindakan membaik pulih yang telah diambil oleh pihak pengurusan FELDA untuk mengatasi masalah ini dan langkah-langkah pencegahan agar perkara ini tidak berulang lagi.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang telah dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 2 Tahun 2015 Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan (LKAN), kerugian pelaburan FELDA dalam projek syarikat subsidiari adalah berjumlah RM73.63 juta yang melibatkan projek ternakan ikan sturgeon, projek kedai konsep FELDA dan pastri Schneeballen. Walau bagaimanapun, sebahagian besar pelaburan ini telah dilaksanakan penjejasan nilai pelaburan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 selaras dengan pematuhan kepada Piawaian Pelaporan Kewangan atau *Financial Reporting Standards* (FRS) yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

Susulan daripada Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 2 Tahun 2015 Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan (LKAN) tindakan membaik pulih serta langkah-langkah pencegahan agar perkara ini tidak berulang telah diambil oleh pengurusan FELDA selain tindakan tatatertib turut diambil jika kelemahan tersebut adalah daripada pegawai yang bertanggungjawab untuk melaksanakan dan memantau projek-projek tersebut.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN NG WEI AIK
[TANJONG]

TARIKH : 28 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Ng Wei Aik minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada kelulusan boleh diberikan kepada kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk melaksanakan projek landasan LRT/Monorel bagi Negeri Pulau Pinang dengan dana modal tersendiri walaupun Kerajaan Persekutuan tidak dapat melaksanakannya sejak tahun 2006.

JAWAPAN: **YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi cadangan projek landasan LRT / Monorel oleh kerajaan negeri Pulau Pinang yang dinyatakan tersebut, terdapat beberapa perkara atau kelulusan yang perlu dipatuhi dan diperolehi oleh Kerajaan Negeri sebelum pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) boleh mempertimbangkan skim kereta api (*railway scheme*) yang dikemukakan.
2. Antara kelulusan yang perlu diperolehi adalah seperti kelulusan bagi kajian impak *Detailed Environment Impact Assessment* (DEIA) serta kelulusan oleh Majlis Pembangunan Fizikal Negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 28 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN : 26

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kadar pertumbuhan untuk semua lapangan terbang di Malaysia, bilangannya berbanding dengan kapasitinya. Bilakah pembesaran Lapangan Terbang Antragangsa Pulau Pinang yang telah pun mencapai kapasiti maksimum akan dijalankan. Perincikan kos penyelenggaran, pulangan keuntungan dan kemasukan penumpang lapangan terbang lain dalam negara sejak 2008.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman, kadar pertumbuhan untuk semua lapangan terbang di Malaysia adalah 6.1% bagi tahun 2016.

Kerajaan sememangnya mempunyai perancangan untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) supaya dapat menampung kapasiti sehingga 10 juta penumpang setahun berbanding kapasiti sedia ada yang hanya mampu menampung 6.5 juta penumpang setahun. Cadangan pembesaran Lapangan Terbang telah dipohon melalui Rolling Plan 3 RMKe-11.

Berhubung perincian kos penyelenggaran dan pulangan keuntungan, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) merupakan syarikat awam yang mengendalikan 39 lapangan terbang di seluruh Malaysia. Prestasi dan laporan kewangan Kumpulan Syarikat MAHB didedahkan dalam bentuk gabungan keseluruhan lapangan-lapangan terbang. MAHB tidak mengeluarkan maklumat berkaitan keuntungan (atau kerugian) bagi setiap lapangan terbang yang dikendalikannya. Ini kerana pendedahan berasingan akan memberi kesan kepada persaingan MAHB dan memberi implikasi terhadap harga saham dan sebagainya.

Statistik jumlah penumpang bagi semua Lapangan Terbang di seluruh negara dari 2008 sehingga 2016 adalah seperti berikut:

LAPANGAN TERBANG	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016
KLIA	27,529,355	29,654,842	34,087,636	37,704,510	39,857,150	47,498,157	48,930,409	48,938,424	52,643,511
Penang	3,405,762	3,302,105	4,166,969	4,600,274	4,767,815	5,487,751	6,041,583	6,258,756	6,684,026
Kota Kinabalu	4,689,164	4,937,184	5,223,454	5,808,639	5,840,369	6,935,797	6,792,968	6,572,438	7,263,339
Kuching	3,238,614	3,572,631	3,684,517	4,286,722	4,163,662	4,871,036	4,852,822	4,771,696	4,919,677
Langkawi	1,196,956	1,349,474	1,374,729	1,504,697	1,590,087	1,946,440	2,221,997	2,336,177	2,655,271
Johor Bahru	1,473,364	1,314,762	1,235,261	1,337,562	1,379,347	1,990,106	2,325,816	2,581,966	2,828,074
Kota Bharu	836,060	991,679	1,047,755	1,132,345	1,256,508	1,585,238	1,800,836	2,063,747	2,062,248
Kuala Terengganu	489,269	523,619	520,611	502,966	552,831	699,310	842,651	857,130	900,218
Alor Star	307,564	412,544	400,997	407,717	428,258	535,073	660,264	718,847	787,706
Melaka	23,751	18,059	21,687	21,322	33,943	21,637	14,178	69,712	58,703
Subang	307,747	819,840	1,118,309	1,320,227	1,438,120	1,859,020	2,762,556	3,059,008	2,834,836
Kuantan	259,529	226,912	220,878	248,846	279,278	317,440	314,130	292,109	247,757
Ipoh	5,376	23,451	48,508	71,169	73,054	74,320	98,768	222,606	269,696
Tioman	48,767	49,057	54,056	62,010	59,883	56,054	9,217	-	0
Pangkor	8,132	7,374	2,588	547	4,013	5,791	205	-	0
Redang	34,957	28,246	48,610	46,159	35,995	35,982	11,087	-	0
Labuan	550,859	476,876	505,903	567,928	609,718	738,769	789,494	683,856	595,290
Lahad Datu	99,983	97,103	113,442	131,054	142,733	145,930	161,230	143,654	140,077
Sandakan	618,927	670,574	741,674	788,515	834,348	911,855	900,016	853,411	882,811
Tawau	768,967	866,601	897,848	922,452	982,153	1,202,344	1,218,616	1,203,792	1,271,915
Bintulu	417,918	485,941	557,459	590,253	657,667	779,774	832,440	800,008	805,206
Miri	1,537,840	1,615,267	1,694,915	1,856,626	2,016,142	2,223,172	2,363,080	2,249,143	2,200,546
Sibu	831,772	930,599	1,010,096	1,133,093	1,203,593	1,383,887	1,440,935	1,454,500	1,469,341
Mulu	43,652	48,698	66,575	67,041	49,520	49,432	60,761	51,387	60,074
Limbang	49,181	45,512	50,044	56,211	57,755	61,074	63,870	58,300	55,437
STOL Sabah	3,741	-	1,454	5,046	5,721	4,996	4,590	5,296	7,064

STOL									
Sarawak	145,807	148,674	170,506	173,289	162,667	156,454	159,300	163,379	162,182
JUMLAH	48,923,014	52,617,624	59,066,481	65,347,220	68,482,330	81,576,839	85,673,819	86,409,342	91,805,005